



PERUTUSAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD.ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
AMANAT TAHUN BAHARU 2021
TEMA: MELAKAR WAJAH BAHARU PERKHIDMATAN
AWAM NEGERI MELAKA
TARIKH: 11 JANUARI 2021 (ISNIN), MASA: 9.00 PAGI
DI MELAKA INTERNATIONAL TRADE CENTRE (MITC)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya.

Terima kasih saudara Pengacara Majlis;

**Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan,
Setiausaha Kerajaan Negeri;**

**Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan
Negeri;**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Rakyat dan Dewan
Negara;**

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri;

**Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Abdul Halim bin Tawil,
Mufti Kerajaan Negeri Melaka;**

Yang Berusaha Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Agensi Peringkat Negeri dan Persekutuan;

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato' Seri-Dato' Seri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Dif-Dif Kehormat, rakan-rakan media;

Semua hadirin dan hadirat, yang tidak dapat saya sebutkan nama satu persatu, itu tidak mengurang dan hilang kasih sayang saya kepada anda semua;

Tuan-tuan dan puan-puan, para penjawat awam yang dikasihi sekalian,

Apa kabau semua? Sihat ke? Bonus dah dapat? Ke dah abis dah? Takpe hujung bulan ini ada separuh lagi!

Saudara dan saudari,

MUKADIMAH

1. Saya dahulukan, dengan selawat yang paling afdal ke atas Rasul junjungan, seraya melafazkan,

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَىٰ آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَىٰ مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَعَلَىٰ آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَّجِيدٌ .

2. Hari ini, baru 11 hari, kita memasuki 2021, tahun baharu masehi. Kepada ketua-ketua jabatan dan para penjawat awam yang hadir di majlis amanat ini, yang jumlahnya sekitar **400 orang**, masih belum terlambat untuk saya ucapkan, **Selamat Tahun Baharu!**

3. Lazimnya, di permulaan tahun, kita akan **perbaharui azam, tekad dan komitmen**, supaya apa yang belum dicapai, akan kita capai, bagi dapat dilaksanakan dengan berkesan dan jayanya pada tahun ini.

4. Pada kesempatan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada **YB Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan selaku Setiausaha Kerajaan Negeri**, yang mewakili seramai **39,568** orang kakitangan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di Negeri Melaka.

5. Kepada **semua penjawat awam** di negeri Melaka pula, **dizahirkan setinggi penghargaan**, atas segala sokongan yang diberikan kepada kepimpinan saya dan Kerajaan Melaka selama 10 bulan ini.

6. Saya yakin, tentu sekali, komitmen dan kualiti kerja, akan meningkat tinggi dan bertambah mantap pada tahun ini, serentak **diucapkan terima kasih,... terima kasih buat seluruh penjawat awam di negeri Melaka!**

7. Paling penting, **bekerjalah bersama dengan saya dan Kerajaan,... kita majukan negeri ini,... kita**

bersungguh-sungguh,... kita berikan khidmat terbaik untuk rakyat Melaka.

Boleh semua?... Boleh?... Alhamdulillah!

WAJAH BAHARU PERKHIDMATAN AWAM NEGERI MELAKA

Saudara dan saudari,

8. Hari ini, **tanggal 11 Januari 2021, bersamaan 27 Jamadilawal 1442 Hijriyah**, saya hendak sentuh tentang **tujuh perkara**, sebagai **asas kejayaan**

Kerajaan Melaka, bagi membina wajah baharu perkhidmatan awam Negeri Melaka, pada tahun 2021.

9. Seperti semua tahu, tahun ini, ditandai dengan serba kemungkinan, pelbagai andaian dan liku cabaran, sama ada yang baik mahupun sebaliknya.
10. Biar apa pun ramalannya, **saya tetap yakin, positif dan optimis** bahawa, Melaka pasti maju jaya, **jika sekiranya kita bekerja dengan tekun, jujur, penuh disiplin dan berkompotensi.**

11. Jadi, inilah **perkara pertama yang ingin saya tekankan iaitu, kesungguhan dan tekun dalam bekerja.**

12. Sebagaimana yang disebut dalam **hadis daripada Aisyah Radiallahu Anha bahawa Nabi SAW bersabda:**

يُتَّقِنَهُ أَنْ عَمَلًا أَحَدُكُمْ عَمِلَ إِذَا يُحِبُّ وَجَلَّ عَزَّ اللَّهُ إِنَّ

Mafhumnya: ***“Sesungguhnya Allah ‘Azza Wa Jal, suka dan kasih, apabila seseorang daripada kamu***

membuat sesuatu pekerjaan, maka dilakukannya dengan penuh tekun lagi bersungguh-sungguh.”

13. Manakala dalam pepatah Arab pun ada menyebut, ***“Man Jad-da Wa Jada”***, siapa yang tekun lagi bersungguh-sungguh, maka dia pasti akan berjaya. **InsyaAllah.**
14. Malah, orang Melayu dulu-dulu pun ada menyebut, ***“Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan”***. Jalan yang saya maksudkan yakni, jalan kejayaan.
15. Ditambah lagi, **tahun ini bukan lagi tahun *honeymoon***, untuk kita bersuka-suka, atau sekadar

menjadi *passenger* dan pemerhati semata-mata, dalam kita merancang itu dan ini.

16. Jadi, **perkara kedua** yang saya hendak tegaskan di sini bahawa, **tahun ini bukan lagi sekadar tahun perancangan.** Sebaliknya, **TAHUN INI ADALAH TAHUN PE-LAK-SA-NA-AN,** atau dalam bahasa Inggerisnya disebut '*year of execution or year of implementation*'.
17. **Kita mesti sudah mula melaksana, melakukan tindakan-tindakan cekap dan pantas, membuat penambahbaikan dengan kreatif lagi inovatif,**

terhadap apa yang telah kita rancang serta rencanakan selama ini.

18. Mustahaknya tahun ini, **saya mahukan,... segala apa yang telah kita rancang,... kita mesti pastikan semuanya dilaksana**, atau dalam bahasa mudahnya, ***GET IT DONE,... BAGI JADI,... KASI JADI!***

19. Maksud saya, ***GET IT DONE,... BAGI JADI,... KASI JADI*** ini adalah, segala apa polisi, inisiatif dan program yang telah kita rancang, mestilah benar-benar dilaksanakan dengan berkesan, menyentuh denyut

nadi, hinggakan impak manfaatnya dirasakan langsung kepada rakyat Melaka.

20. Kerana dasar kita jelas, **kita membantu rakyat bukan sebulan sekali, bukan juga untuk seminggu sekali, bahkan, pendekatan Kerajaan kini adalah, HARI-HARI BERJUMPA RAKYAT!**
21. Ya! **Perkara ketiga** yang saya hendak nyatakan adalah **HARI-HARI BERJUMPA RAKYAT.**
22. Maknanya, kita kena **dengar keluhan rakyat,... kita belajar memahami mereka,... kita sentiasa prihatin terhadap nasib mereka,... dan *we must serve the best service and delivery for the rakyat!***

23. ***Faham tak apa yang 'An' cakap ni? Kalau faham bagus!***

Saudara dan saudari,

24. Seterusnya, saya mahukan, **semua agensi dan para penjawat awam di Negeri Melaka**, khususnya *frontliners*, atau mereka yang ditugaskan **berurusan setiap hari dengan rakyat...** agar dapat **mempertingkatkan kualiti...**

25. Supaya rakyat berasa selesa dengan perkhidmatan dan penyampaian yang diberikan, berasa dibantu serta

dipermudahkan, dan yang terpenting sekali,...
kebajikan mereka tetap terbela.

26. Misalnya, jika rakyat telefon, jangan tak angkat pulak, rakyat datang nak jumpa, jangan tak layan, rakyat mengadu, janganlah pula tak ambil tindakan.
27. Begitulah juga dengan kaunter-kaunter perkhidmatan dan agensi, terutama yang setiap hari berurusan langsung dengan rakyat.
28. Mana-mana aduan rakyat yang tidak dilayan dengan sepatutnya, beritahu saya, kita akan ambil tindakan. ***I am very serious about this!***

29. Sebabnya, saya ada menerima aduan langsung dalam FB saya, tentang kaunter-kaunter perkhidmatan yang ditutup pada waktu rehat tengahari. **Kalau boleh, pada waktu rehat pun dibuka.**
30. Bak kata Mufti Melaka, jika **kita mudahkan urusan rakyat** untuk mendapatkan perkhidmatan, InsyaAllah, **Tuhan akan permudahkan hidup kita.** Betul Datuk Wira Mufti?

Saudara dan saudari,

31. Jika tahun lepas, saya banyak menggunakan pendekatan memohon, merayu dan meminta, khususnya kepada semua penjawat awam Negeri Melaka, agar memberi khidmat yang terbaik untuk rakyat serta Kerajaan Negeri.
32. Memandangkan 2021 adalah tahun pelaksanaan, kini, **perkara keempatnya**, saya ingin **melihat *result* atau pun hasil, yang ‘buah tangannya’ sudah mula masak ranum**, terutama yang bersifat ***low hanging fruit***.
33. Misalnya, **dalam hal kesemua lebih 80 inisiatif Belanjawan 2021 Negeri Melaka** yang telah saya bentangkan pada 9 Disember bulan lepas, **dapat dilaksanakan dengan berkesan, supaya impak**

manfaatnya, segera sampai kepada semua rakyat di Negeri Melaka.

34. Sementelahan itu, kita juga telah sediakan **40 touch point Belanjawan 2021 Negeri Melaka**, yang manfaat inisiatifnya berimpak tinggi kepada rakyat.
35. Contohnya, dalam **40 touch point** utama tersebut, saya telah **umumkan pemberian pelitup muka dan 'hand sanitizer'** kepada semua pelajar di seluruh **Melaka secara percuma** bernilai RM5juta ringgit.
36. Jadi, menjelang pembukaan sekolah akhir bulan ini, agensi Negeri yang ditugas menguruskan hal berkenaan, hendaklah memastikan agar, agihan itu

sampai kepada kelompok sasar iaitu, pelajar sekolah dengan kadar segera.

Saudara dan saudari,

37. Berkait itu baru-baru ini, ada seorang Yang Berhormat pembangkang di Melaka, telah datang berjumpa dengan saya. Kata YB tersebut, dia tak sangka kita boleh '*announce*' Bajet yang macam itu.
38. Katanya lagi, dia bersetuju dan memuji inisiatif Bajet 2021 yang saya umumkan, khususnya bagi inisiatif, **'Melaka Bebas Berniaga' selama 1 tahun dan 'Dana Bantuan Kasih Niaga'** kepada usahawan Melaka berjumlah RM1 juta ringgit.

39. Ini boleh merangsang ekonomi Melaka, apatah lagi ketika kes COVID-19 masih belum reda, selain agensi berkenaan permudahkan urusan rakyat, seperti dalam hal permohonan lesen niaga dan dana bantuan tersebut.
40. Semestinya, pujian ini harus saya pulangkan kepada semua penjawat awam, khususnya mereka yang terlibat dalam menyedia dan ‘memerah otak’ untuk menghasilkan inisiatif terbaik, bagi merencanakan ekonomi serta membantu rakyat Melaka.
41. **Kepada semua penjawat awam Negeri Melaka, tahniah saya ucapkan!**

42. Namun, terlebih penting, kita mesti pastikan, kesemua inisiatif tersebut memberi manfaat langsung kepada rakyat, terutama bagi **40 touch point** tadi, dapat dilaksanakan dengan seberapa pantas yang mungkin.
43. Mustahaknya kita semua mesti ingat, apa yang telah saya sebut di awal ucapan tadi, **GET IT DONE,... BAGI JADI,... KASI JADI!**

Boleh semua pastikan segala inisiatif belanjawan tersebut akan dilaksana? Boleh? Alhamdulillah!

Saudara dan Saudari,

44. Sewaktu mengadakan Lab Melaka Rumahku Maju Jaya baru-baru ini, saya telah mengupas tentang sebuah karya berjudul **“WHY NATIONS FAIL”**.
45. Buku ini **menceritakan perihal satu kawasan yang sama, tetapi hanya dipisahkan oleh pagar sempadan dua negara.**
46. **Satu; Nogales, Arizona berada dalam negara Amerika Syarikat, manakala sebahagiannya lagi, Nogales, Sonora, yang terletak dalam negara Mexico.**

47. **Nogales Arizona Amerika Syarikat dikatakan lebih maju, pendapatan perkapita rakyatnya tinggi, tahap pendidikan penduduknya lebih berkualiti serta banyak peluang pekerjaan yang boleh diperolehi.**
48. Bertentangan di sisi yang satu lagi, **Nogales, Sonora, Mexico, yang pada ketika itu, pendapatan perkapita penduduknya lebih rendah, ramai anak-anak warganya tidak mendapat pendidikan sepatutnya dan kadar pengangguran juga agak tinggi.**
49. Malahan, jika kita tinjau sejarah, siapa dapat menyangka bahawa, **Portugis atau negara Portugal ,dulunya pernah menakluk Melaka, kini di**

Eropah hanya menjadi negara yang 'biasa-biasa' sahaja.

50. **Sedangkan UAE khususnya Dubai, dulu hanya sebuah padang pasir yang tandus lagi kering kontang, kini telah bertukar menjadi pusat perdagangan dan pelancongan tersohor di dunia.**
51. Cuba fikirkan sama-sama, apa yang boleh kita pelajari dan mengambil iktibar daripada semua kisah yang saya sebutkan tadi?

Saudara dan saudari,

52. Di sini, kita dapat lihat, betapa pentingnya untuk kita memahami dan seterusnya mengamalkan, **empat fungsi asas dalam pengurusan berkesan global** iaitu, ***planning, organizing, leading dan controlling ataupun POLC.***
53. **POLC** itu, atau **'4M'** yang perlu kita terapkan di sini adalah, **Merancang, Mengurus, Memimpin dan Mengawal,...** terutama bagi mencapai sesuatu tadbir urus supaya menjadi lebih berkesan, sistematik dan holistik, untuk kebaikan Negeri Melaka.
54. Bagi tujuan ini, demi lebih meningkatkan keberkesanan perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat, saya telah umumkan,... **penubuhan Daerah Masjid**

Tanah sebagai daerah yang baharu, sebagai pemangkin, dalam memaju jayakan ekonomi Negeri Melaka.

55. **Kepada penduduk Masjid Tanah dan kawasan sekitarnya,... tahniah saya ucapkan!**

56. Kepada kawasan-kawasan yang lain di Negeri Melaka,... tidak usahlah bimbang,... kerana setiap kawasan tersebut, akan kita bangunkan mengikut pelan dan sebagaimana apa yang telah dirancang serta rencanakan.

Saudara dan Saudari,

57. Sebab itulah kita melakar halatuju **MELAKA RUMAHKU**, yang terkandung di dalamnya visi, misi, pemboleh daya atau *enabler*, yang dilingkari dengan akar tunjangnya.
58. Oleh kerana itu, **perkara kelimanya** pada tahun ini, saya mahu kita pastikan **VISI Melaka,... “Menuju Negeri Lestari”**,... yang menggunakan indikator **SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS** atau **SDG**, yakni, **17 MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI** akan berjaya dicapai.

59. Begitu juga dengan **MISI Negeri Melaka**, mesti kita **sama-sama laksana dan berjaya dicapai pada tahun 2021 ini juga.**
60. Misi tersebut, yang berasaskan perkataan **T.E.R.A.S.** iaitu, **T** untuk **TEKNOLOGI**, **E** untuk **ENTREPRENEURSHIP**, **R** bagi **REVOLUSI INDUSTRI DAN EKONOMI**, **A** untuk **ANTARABANGSA** dan **S** pula adalah **SEJAHTERA**, demi untuk **membahagiakan rakyat.**
61. Ditambah lagi, saya mahu kita pastikan, kesemua **6 PEMBOLEH DAYA** untuk Negeri Melaka, iaitu, **Keterangkuman dan Kesalinghubungan, Kemampanan Ekonomi, Kecanggihan Teknologi**

Hijau, Pintar dan Pendigitalan, Keberdayaan Modal Insan, Keutuhan Budaya dan Warisan, serta Keihsanan dan Integriti,...

62. **Tidak hanya tinggal slogan,... ‘semangat-semangatan’... atau ‘atas kertas’ semata-mata, sebaliknya, mesti berjaya kita laksanakan dengan baik lagi sistematik.**

63. **Saya juga mahukan tahun ini, kesemua halatuju MELAKA RUMAHKU itu, mestilah ke arah mencapai kecemerlangan dan keseimbangan, duniawi serta ukhrawi.**

64. Barulah layak Negeri Melaka digolong sebagai, ***Baidatun Thoyyibatun Wa Rabbun Ghafur***, yakni, **negeri yang makmur di bawah keberkatan Tuhan.**

Saudara dan saudari,

65. Apapun, kita berasa gembira kerana, selain daripada **kesemua 4 PBT Negeri Melaka, telah berjaya mendapat penarafan 5 bintang** daripada KPKT pada 5 November lalu,...
66. Terkini pula, pada bulan lalu, menurut **Petunjuk MURNInets KPKT merekodkan bahawa,.. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Perbandaran**

Jasin, Majlis Perbandaran Alor Gajah dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya,...

67. **Telah diumumkan sebagai,... antara Bandar Paling Mampan di Malaysia bagi tahun 2019!**

68. Ini menjadikan **keseluruhan Melaka, sebagai Negeri Mampan di Malaysia. Atas kejayaan itu, bersamalah, kita beri tepukan syabas kepada keempat-empat PBT Negeri Melaka!**

Saudara dan saudari,

69. Laporan COVID-19 menunjukkan, setakat kelmarin, **sebanyak 50 kes baharu direkodkan, 6 meninggal dunia, 399 masih dirawat dan 1,171 bagi kes sembuh serta angka keseluruhan di Melaka adalah sebanyak 1,548 kes.**
70. Walau apapun, **kita hendaklah sentiasa bertenang, banyakkkan berdoa, kita perlu sentiasa bersedia, dengan apa jua kemungkinan dan keputusan yang bakal diumumkan, selepas saya bermesyuarat secara ‘virtual’, dengan YAB Perdana Menteri, sekitar jam 2.30 petang ini.**

71. Apapun jua, bagi menghargai segala pengorbanan wira Barisan Petugas Hadapan kita, yang selama ini telah bertungkus lumus dalam mengekang wabak berbahaya ini, **silalah kita beri tepukan bergemuruh kepada semua *volunteers* dan *frontliners* Negeri Melaka!**

Saudara dan saudari,

72. Kepada mereka yang sudah terkorban dan telah pergi mendahului kita buat selama-lamanya, akibat COVID-19 ini, diucapkan **takziah, kita bertafakur sebentar, seraya kita disedekahkan Al-Fatihah buat mereka semua.**

73. **Al-Fatihah!**

Saudara dan saudari,

74. Berhubung dengan pandemik COVID-19 juga, **setelah hampir 10 bulan pengalaman ‘bertempur’ dengan wabak ini, kita sepatutnya sudah matang dan bersedia untuk hidup dalam ‘norma baharu bekerja’.**
75. Setiap jabatan dan agensi di negeri ini **mesti sudah ada SOP, kaedah kerja baharu masing-masing, bagi menghasilkan *outcome* yang memberi impak positif, kosnya efektif, tiada ketirisan dan pembaziran, selain meningkatkan penggunaan *platform* digital secara lebih meluas.**

76. Justeru **perkara keenam** yang saya ingin tegaskan bahawa, **selepas ini tiada alasan lagi untuk berlakunya kelewatan, dan kegagalan atau apa-apa jua yang boleh mengurangkan kualiti perkhidmatan dan penyampaian kita kepada rakyat.**

Saudara dan saudari,

77. Bagi **perkara ketujuh** pula adalah tentang **KPI dan pelaksanaan program** pada tahun ini. **Setiap jabatan dan agensi Negeri akan dinilai dan dipantau serta perlu ada *scorecard* masing-masing.**

78. Contohnya, untuk **pencapaian KPI yang cemerlang kita bagi warna biru, warna kuning peringatan bagi**

pencapaian yang agak sederhana dan warna merah pula, jika program tersebut gagal dilaksanakan dengan baik.

79. Yang terlebih penting, seperti yang sudah saya sebutkan beberapa kali tadi,... apa dia ayatnya, ingat lagi? **GET IT DONE,... KASI JADI,... BAGI JADI!**

Saudara dan saudari,

80. Bagi tahun pelaksanaan ini, pelbagai pelan, inisiatif, program dan *symbolic action*, yang akan kita laksanakan untuk kebaikan rakyat dan kemakmuran Melaka. Antara program utama tersebut adalah:

81. **Pelancaran Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 atau PSMJ 2035**, pada sekitar awal Februari 2021.
82. Sesungguhnya, **PSMJ 2035 ini adalah kitab, dokumen besar, yang komprehensif dan holistik, bagi memandu hala tuju pembangunan, kemajuan serta masa depan, bersifat jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang Negeri Melaka.**

83. Makanya, pelan tindakan strategik ini merupakan dokumen utama untuk dirujuk oleh semua jabatan dan agensi di Negeri Melaka, yang perlu diterjemahkan menjadi pelan tindakan dan matlamat utama pencapaian setiap agensi, yang bakal membawa Negeri Melaka ke fasa seterusnya menuju mercu kejayaan.
84. Berkait itu, saya juga mahukan, *I want to make sure, semua agensi dan anak syarikat Kerajaan Negeri Melaka mempunyai pelan strategik tersendiri masing-masing, yang selari dengan pelan induk, iaitu, Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035.*

85. Berkait demikian, pelan strategik setiap agensi ini, mestilah selaras dengan prinsip asas yang menjadi amalan pengurusan efektif global iaitu, **SMART**, yakni ***Specific, Measurable, Attainable, Realistic and Time-bound.***
86. Justeru, saya berharap agar, Pejabat SUK boleh tolong ‘tengok-tengokkan’ dan pantau tentang hal ini.
87. Menyentuh tentang PSMJ itu tadi, setelah melalui beberapa siri bengkel dan *Lab*, serta kemudiannya maklum balas daripada rakyat, akhirnya sebanyak **114 Quick Wins dan 33 Symbolic Actions** telah ditetapkan sebagai keutamaan Kerajaan Melaka.

88. Manakala sejumlah **8 *Flagship*** iaitu **tema utama** telah dibentuk bagi membolehkan Kerajaan Melaka mencapai sasaran KPI jangka pendek, sederhana dan jangka panjang.
89. Kesemua **8 *flagship*** tersebut adalah:
- i) Melaka *Waterfront Economic Zone (MWEZ)*;**
 - ii) Pengurusan Air Mampan;**
 - iii) Pembangunan Bersasar;**
 - iv) Digital Melaka;**
 - v) Melaka Negeri Usahawan;**
 - vi) Melaka Negeri Pelancongan;**
 - vii) Melaka Hub Pendidikan; dan**

viii) Melaka Sejahtera (Perpaduan, Kesihatan, Kebajikan dan Belia & Sukan)

Saudara dan saudari,

90. Selanjutnya, pada tahun pelaksanaan ini beberapa *symbolic actions* yang akan dilaksanakan:
91. **Satu: Pelancaran pelan induk pembangunan atau Blueprint M-WEZ**, yakni koridor baharu zon ekonomi persisiran pantai Melaka yang mampan dan pintar, bakal menjadi *game changer*, kepada negeri ini, pada sekitar bulan April ini.

92. Ini adalah permulaan usaha mengembalikan semula kegemilangan Melaka sebagai **pusat perdagangan antarabangsa yang paling sibuk di dunia.**
93. **M-WEZ**, yang meliputi **kawasan tambakan pesisir pantai** seluas **17,500 ekar**, di sepanjang **22 kilometer**, **dari Umbai ke Tanjung Bruas**, dijangka mampu menjana pelaburan **100 bilion ringgit**, melalui inisiatif swasta dan awam.
94. **Dua: Pelancaran *masterplan* pelancongan negeri Melaka.**

95. **Tiga: Pelancaran Blueprint Smart Melaka pada sekitar pertengahan tahun.**

96. **Empat: Pelancaran Skuad Mediator Perpaduan Negeri Melaka** bagi mewujudkan masyarakat yang harmoni dan bersatu padu.

97. **Lima: Pelancaran TOD Melaka Sentral,** dalam usaha kerajaan untuk mempromosikan konsep pembangunan bersepadu yang hampir dengan mode pengangkutan awam.

98. **Enam: Pelancaran Projek Melaka *Urban Farming***, iaitu program pertanian bersepadu yang pertama diusahakan di Negeri Melaka.
99. **Tujuh:** Setelah berjaya membantu 1,073 orang mendapat pekerjaan, melalui **Karnival Penjana Kerjaya Melaka CareerTrans2020 tahun lepas,...** Insya Allah, pada sekitar akhir Februari ini kita akan menganjurkan **Karnival Penjana Kerjaya Peringkat Negeri Melaka pada skala yang lebih besar, di 3 daerah seluruh Negeri Melaka.**
100. **Lapan:** Dalam hal kebajikan dan tanda prihatin kepada rakyat Melaka, bermula Januari hingga

Disember 2021,... **seperti yang diumumkan dalam Belanjawan Melaka 2021, saya dan semua barisan Exco Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memotong gaji bulanan sebanyak 10 peratus.**

101.Laginya, saya juga telah mengarahkan agar, **4 PBT Negeri Melaka, yang diketuai oleh MPHTJ, untuk menghantar pasukan pasca banjir bagi membantu mangsa banjir di Pahang pada waktu terdekat ini.**

Saudara dan saudari,

102.Menyentuh tentang Projek Rancangan Malaysia Ke-12 atau RMK-12, **sebanyak 352 projek telah diluluskan**

di bawah RP1, RMK-12 Persekutuan dan Negeri, yang terdiri daripada 161 projek persekutuan dan 191 projek negeri.

103. Perlu diketahui, kebanyakan projek yang diluluskan adalah di bawah **TERAS SEJAHTERA, untuk kesentosaan rakyat**, meliputi projek pembinaan jalan raya, menaik taraf bangunan hospital, membaik pulih kerosakan bangunan, pembinaan infrastruktur pengairan dan saliran, pemasangan lampu jalan, mengatasi masalah banjir dan khidmat masyarakat.

Saudara dan saudari para penjawat awam yang dikasihi sekalian,

104. Lantas di akhir kalam ini, saya ingin **mengajak semua untuk sama-sama kita berdiri,... berdirilah,... *please*,...**

105. **Berdiri bersama saya,... seraya diangkat tangan kanan begini,... bagi kita sama-sama melafazkan ikrar,... yang akan saya baca,... diikuti kemudiannya oleh semua.**

BismillahirRahmanirRahim,...

Pada tahun 2021 ini,...

Atas nawaitu yang suci,...

Kami dengan rela dan sepenuh hati,...

Berikrar dan berjanji,...

Akan bekerja dan melaksanakan tugas,...

Dengan tekun,... bersungguh-sungguh,... jujur,...

cekap,....penuh integriti dan bertanggungjawab,...

Meningkatkan budaya kerja cemerlang,...

Memperbaiki kualiti,.... perkhidmatan dan

penyampaian kepada rakyat,...

**Membudayakan semangat kerja sepasukan,...
Mengamalkan tonggak kecemerlangan 5K,...
Komunikasi,... Koordinasi,... Kolaborasi,...
Kompetensi,... dan Kongsi Matlamat Bersama,...**

**Berusaha dan mendoakan agar,... Melakaku terus
Maju Jaya,... Rakyat Bahagia,... sehingga mampu
menggamit dunia.**

106. Turun tangan. **Terima kasih semua,... terima kasih.
Dipersilakan duduk.**

Saudara dan saudari,

107. Apapun jelasnya,

***Kesidang Baunya Harum Bawa Nostalgia,
Di Majlis Kurnia Bonda Taburkan,
Melakaku Maju Jaya Rakyat Bahagia,
Menggamit Dunia Bersama Kita Zahirkan.***

Saudara dan saudari sekalian,

108. Dengan lafaz, ***BismillahirRahmanirRahim***, sukacitanya saya merasmikan **Majlis Amanat Tahun Baharu 2021, Pelancaran Logo dan seterusnya Pra Pelancaran Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035.**

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.